

POTENSI MENGANTARABANGSAKAN BAHASA MELAYU

OLEH NOOR AZAM ABDUL RAHMAN

lagi tidak mendapat perhatian dan keistimewaan sebagai salah satu bahasa antarabangsa yang gagah di persada dunia. Mengapakah hal ini terjadi?

Pengantarabangsaan bahasa bermaksud satu-satu bahasa itu telah mampu menjadi alat perhubungan komunikasi yang lengkap dan seragam dalam semua aspek kemajuan sesebuah negara bangsa atau ketamadunan yang memberikan pengaruh besar terhadap masyarakat di seluruh dunia. Hal ini bermakna, bahasa yang dikatakan sebagai bahasa antarabangsa itu perlu mampu untuk digunakan sebagai medium utama dalam segala perkara yang mendorong ke arah pembentukan sebuah masyarakat dunia yang saling memahami dan berpotensi untuk bersetuju dengan penggunaan alat komunikasi yang sama itu.

Rahman Shaari, dalam satu program bicara bahasa baru-baru ini menjelaskan bahawa pengantarabangsaan bahasa melibatkan penggunaan satu-satu bahasa itu dalam tiga aspek penting kemajuan dunia, iaitu penggunaan

bahasa tersebut sebagai alat penyampaian pelbagai ilmu, sebagai medium komunikasi pelbagai bentuk yang digunakan dalam semua urusan, serta sebagai alat pembangunan ekonomi seperti penggunaan dalam urusan perdagangan dan jual beli. Persoalannya adakah bahasa Melayu telah mencapai ke tahap bahasa antarabangsa seperti yang didefinisikan ini?

Usaha ke arah pengantarabangsaan bahasa Melayu telah lama dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), misalnya telah menjalankan pelbagai usaha bagi merealisasikan pengiktirafan bahasa Melayu sebagai antara bahasa utama di dunia. Penubuhan Majlis Pengantarabangsaan Bahasa Melayu pada tahun 1997 merupakan salah satu usaha pihak berkaitan ke arah pengantarabangsaan bahasa Melayu. Selain itu, institusi pengajian tinggi juga telah banyak menjalankan kajian berkaitan potensi mengantarabangaskan bahasa Melayu dengan penganjuran pelbagai program kebahasaan di dalam dan luar negara sebagai usaha ke arah pengantarabangsaan bahasa Melayu. Usaha yang

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) misalnya telah menjalankan pelbagai usaha bagi merealisasikan pengiktirafan bahasa Melayu sebagai antara bahasa utama di dunia.

dijalankan ini tidak terbatas hanya dalam kalangan yang terlibat secara langsung dengan program kebahasaan, malah telah menjangkau kepada institusi-institusi lain yang terpenggil untuk sama-sama berusaha menyerlahkan lagi potensi bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Kerjasama yang baik antara semua pihak ini memberikan tanda yang positif bahawa bahasa Melayu sebenarnya tidak ketinggalan serta dipanggilkan di bumi sendiri seperti yang dimomokkan oleh ramai orang.

Bahasa Melayu masih lagi relevan dan kukuh dari aspek penggunaannya, terutamanya di Malaysia. Isunya bukan jumlah pengguna bahasa Melayu, tetapi cara penggunaan bahasa ini dalam konteks yang lebih baik perlu diberikan perhatian. Bahasa merupakan alat komunikasi yang sepatutnya bercambah melalui penggunaannya dalam semua aspek kehidupan sama ada secara formal ataupun tidak. Penggunaan secara formal seperti bahasa pengantar bagi penyampaian ilmu dalam bidang pendidikan perlu dipertingkatkan. Pengaruh bahasa Melayu dalam kebanyakan aktiviti kehidupan masyarakat perlu diterapkan pada peringkat awal terutama kepada






generasi muda dan kanak-kanak. Perkara ini penting sebagai persediaan yang utuh pada peringkat akar umbi pengguna bahasa tersebut.

Potensi mengantarabangsakan bahasa Melayu boleh dilakukan dengan menaiktarfaikan pengaruh bahasa Melayu dari segi penggunaannya. Bahasa Melayu seharusnya bukan sahaja digunakan sebagai alat untuk menyampaikan ilmu berkaitan dengan bahasa dan kesuasasteraan Melayu sahaja, malah mampu menjangkau lebih daripada itu. Proses penyampaian dakwah agama Islam juga sesuai menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi. Agama Islam yang tersebar di Nusantara khususnya, amat dekat dengan bahasa Melayu. Pengaruh bahasa Melayu dalam proses penyebaran agama Islam tidak dapat dinafikan. Pengaruh besar ini perlu diteruskan sehingga hari ini.

Seperti yang telah disarankan oleh Raja Muda Perlis DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dalam titah ucapan baginda bersempena dengan lawatan ke Sekolah Agama Sinthatham Islamic Committee Nakhorn, Phang-Nga, Thailand pada 9 Januari 2017 yang lalu, baginda menyarankan agar semua pihak mengambil kesempatan untuk mempromosikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam penyampaian dakwah Islam. Pada majlis yang sama DYTM Raja Muda Perlis juga telah menekankan betapa pentingnya bahasa Melayu memainkan peranan utama sebagai alat penyebaran ilmu Islam, khususnya di Thailand.

Berdasarkan sejarah penyebaran agama Islam ke Tanah Melayu dan negara-negara di Kepulauan Melayu ini



didapati bahasa Melayu telah berperanan besar sebagai alat penyebaran ilmu Islam yang utama. Perkara ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu pernah digunakan sebagai medium utama yang berpengaruh untuk menyampaikan maklumat penting berkaitan dengan Islam ke seluruh negara di Nusantara. Peranan besar bahasa Melayu ini dapat dilihat dengan jelas apabila kita meneliti perkembangan sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sekitar pertengahan kurun ke-15, terutamanya pada zaman Sultan Mansur Syah yang menaiki takhta sekitar tahun 1456 (Muhammad Yusoff Hashim, 1989:114; dipetik daripada Hashim Musa, 2005).

Semasa zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka itu, Kerajaan Melaka telah muncul sebagai pusat tamadun Melayu Islam yang telah mencapai taraf dunia. Hal ini terbukti dengan kedudukan organisasi dan institusi sosial dalam bidang ekonomi, politik, pentadbiran, pendidikan dan agama Islam yang kukuh dan berwibawa. Kejayaan ini menunjukkan bahawa dalam tempoh sekitar 50 tahun selepas pembukaannya, para pemimpin dan rakyat jelatanya telah berjaya membina negara dan tamadun Melayu Melaka sebagai sebuah negara bertaraf dunia pada zamannya. Asas kukuh yang menjadi tunjang



kepada pembentukan tamadun itu ialah budaya Melayu, agama Islam dan bahasa Melayu yang menggunakan tulisan Jawi sebagai medium persuratan, perakaman dan pewarisan segala khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaannya. Peranan tulisan jawi sebagai tulisan bahasa Melayu dalam proses pembentukan tamadun Melayu Islam di Malaysia amat besar.

Bertitik tolak daripada sejarah kejayaan besar tulisan Jawi dan bahasa Melayu itu menunjukkan bahasa Melayu masih mempunyai peranan yang besar untuk menjadi alat penyebaran dakwah agama Islam. Saranan dan seruan DYTM Raja Muda Perlis berkaitan dengan bahasa Melayu ini perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Hal ini dikatakan demikian kerana sejarah telah merakamkan kejayaan bahasa Melayu yang berfungsi melebihi daripada peranan sekadar alat komunikasi pada situasi biasa-biasa sahaja, malah menjadi alat penyebaran ilmu agama yang hebat. Ciri ini telah menepati kriteria utama sebagai bahasa yang bertaraf antarabangsa.

Terdapat tiga perkara penting berkaitan pengantarabangsakan bahasa Melayu telah dikemukakan oleh DYTM Raja Muda Perlis pada majlis di Thailand tempoh hari. Pertama, berkaitan penerimaan masyarakat di sana terhadap agama Islam yang telah disampaikan menggunakan bahasa Melayu. Pada majlis yang diadakan di Phang-Nga, Thailand itu, baginda telah bertitah perihal pentingnya bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam penyampaian agama Islam di sekolah-sekolah agama di Thailand bagi memperluas dan memperkaya lagi minda para pelajar terhadap sosiobudaya dan komuniti bahasa Melayu. Penerimaan bahasa Melayu di sana terutamanya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah agama menunjukkan bahasa Melayu mampu dan berjaya sebagai alat penyampaian yang berkesan. Perkara ini seakan-akan mengembalikan

tradisi kegemilangan bahasa Melayu pada zaman awal penyebaran agama Islam di Nusantara. Dalam tempoh tersebut, bahasa Melayu telah digunakan dalam semua hubungan diplomatik antara kebanyakan negara di seluruh dunia. Tulisan Jawi sebagai tulisan bahasa Melayu telah digunakan dalam semua dokumen penting kerajaan dan urusan kenegaraan.

Aspek kedua yang ditekankan oleh baginda DYTM Raja Muda Perlis pada majlis tersebut juga berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi dalam pendidikan di sekolah. Proses komunikasi antara guru dengan murid contohnya, akan lebih memberikan ruang dan peluang kepada bahasa Melayu untuk diterima baik oleh masyarakat di Thailand khususnya. Dalam konteks ini, tenaga pengajar yang terlibat akan menyampaikan pengajaran mereka menggunakan bahasa Melayu, secara tidak langsung akan memberikan nilai tambah kepada pelajar di sana untuk bertutur dan berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Hal ini sekali gus akan meningkatkan pembangunan pendidikan bahasa Melayu di sana.

Perkara ketiga yang diketengahkan oleh baginda DYTM Raja Muda Perlis ialah peranan bahasa Melayu sebagai medium dakwah. Bahasa Melayu pada asasnya relatif mudah untuk dipelajari dan difahami telah menjadikan bahasa Melayu lebih sesuai digunakan untuk penyampaian dakwah di Thailand. Pada majlis perasmian tersebut, baginda menegaskan bahawa penyampaian dakwah juga dapat diperluas menerusi penggunaan bahasa Melayu yang mudah difahami oleh masyarakat setempat. Hal ini bermakna, bahasa Melayu akan lebih luas



Cabaran terbesar dalam proses mengantarabangsakan bahasa Melayu adalah untuk menangani persepsi masyarakat tempatan terhadap bahasa Melayu itu sendiri.

peranannya di sana nanti, bukan sahaja terhad di bilik-bilik darjah yang formal seperti di sekolah agama yang dirasmikan itu, malah dapat disebarluaskan sebagai bahasa komunikasi antara penduduk. Perkara ini pastinya akan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi yang berperanan besar dan bermanfaat, khususnya di Thailand, dan ke seluruh dunia amnya.

Saranan yang dikemukakan oleh DYT M Raja Muda Perlis ini menepati hasrat pendukung bahasa Melayu. Titah baginda berkaitan potensi mengantarabangsakan bahasa Melayu melalui penggunaan ini selari dengan hasrat kebanyakan orang yang ingin melihat kedudukan bahasa Melayu bukan sahaja terhad digunakan dalam sistem pendidikan di Malaysia, malah mampu digunakan di negara luar seperti Thailand dan negara asia yang lain, serta ke seluruh dunia.

Konsep mengantarabangsakan bahasa seperti yang dibincangkan merupakan satu proses yang panjang dan mencabar. Bagi bahasa Melayu, sejarah kegemilangannya sebagai bahasa antarabangsa dan utama di Asia Tenggara khususnya, telah membuka jalan yang lebih mudah untuk digilap kembali. Sejarah kedatangan penjajah ke Nusantara yang lain telah memusnahkan tempoh kegemilangan bahasa Melayu di rantau ini. Walau bagaimanapun, masih belum terlambat untuk semua pihak memainkan peranan masing-masing ke arah mengantarabangsakan kembali bahasa Melayu.

Aspek penting yang perlu diberikan perhatian termasuklah nilai bahasa Melayu yang perlu diletakkan pada tahap yang tinggi dan membanggakan. Nilai bahasa terletak pada tahap penggunaannya, iaitu sejauh mana bahasa Melayu mampu dijadikan sebagai alat komunikasi utama dalam semua urusan penting sesebuah negara. Urusan penting ini termasuklah dalam urusan kenegaraan, pendidikan, sosial, ekonomi dan hubungan diplomatik. Nilai bahasa akan lebih tinggi dan bertaraf antarabangsa apabila bahasa tersebut digunakan sebagai medium utama dalam urusan pendidikan pada semua peringkat. Bahasa tersebut perlu

digunakan dalam sistem pendidikan utama pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi. Bahasa Melayu contohnya, perlu mampu menjadi bahasa utama dalam penyampaian pelbagai ilmu pada semua peringkat sistem pendidikan utama sekurang-kurangnya di Malaysia. Tegasnya, melalui sistem pendidikan yang kukuh, peranan bahasa pengantar sangat besar

sebagai bahasa utama dan bahasa ilmu yang digunakan oleh pelajar dari serata pelosok dunia terutamanya pada peringkat pengajian tinggi. Jika perkara ini mampu dilakukan oleh bahasa Melayu, maka tidak mustahil bahasa Melayu berjaya menjadi bahasa antarabangsa yang bernilai tinggi sebagai alat penyampai pelbagai ilmu di dunia.

Penggunaan bahasa Melayu dalam sektor ekonomi juga mampu meningkatkan potensi bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Hal-hal yang berkaitan dengan urusan ekonomi yang melibatkan hubungan komunikasi pada peringkat dunia akan memberikan peluang kepada bahasa yang digunakan itu tersebut dengan cepat dan berkesan. Urusan komunikasi yang bukan sahaja melibatkan nilai bahasa, malah lebih kepada nilai, untung rugi dalam bentuk wang ringgit akan meletakkan bahasa Melayu pada kedudukan yang sangat penting. Penggunaan bahasa Melayu dalam urusan perniagaan perdagangan antarabangsa contohnya, akan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang bernilai tinggi dalam sektor ekonomi. Secara tidak langsung, bahasa Melayu akan muncul sebagai bahasa yang bernilai komersial dalam sektor perdagangan.

Hal ini akan mewujudkan kumpulan yang terlibat dengan urusan perdagangan ini lebih dekat dengan bahasa Melayu. Untuk rekod, bahasa Melayu sebenarnya pernah memainkan peranan sebesar ini dalam sektor ekonomi pada tempoh kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke-13 lagi. Pada tempoh tersebut, semua pedagang yang ingin berurusan niaga di Melaka wajib fasih menggunakan bahasa Melayu. Oleh itu, bukan sesuatu yang luar biasa jika dikatakan bahasa Melayu masih lagi berpotensi untuk berada pada tahap yang sama pada masa ini. Cuma usaha dan kepercayaan masyarakat masa ini yang menentukan potensi bahasa Melayu ini digilap kembali.

Memetik tulisan Zubaidi Abas bertajuk, "Merealisasikan Pengantarabangsakan Bahasa Melayu" yang tersiar dalam majalah *Dewan Bahasa* keluaran September 2012, cabaran terbesar dalam proses mengantarabangsakan bahasa

Melayu adalah untuk menangani persepsi masyarakat tempatan terhadap bahasa Melayu itu sendiri. Menurut beliau, rakyat Malaysia pada masa ini masih lagi bersikap prejudis terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam beberapa urusan penting seperti penyampaian ilmu sains dan teknologi, urusan diplomatik, urusan perdagangan antarabangsa, dan seumpamanya. Bagi kumpulan ini, berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris adalah lebih mudah dan dilihat sebagai lebih maju, moden, dan hebat. Sikap dan persepsi masyarakat tempatan berkaitan dengan keupayaan bahasa Melayu ini telah mencatatkan potensi bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa.

Bertitik tolak daripada itu, tugas berat yang perlu digalas oleh agensi berkaitan pengembangan bahasa Melayu seperti DBP serta kumpulan dan individu yang memperjuangkan kedudukan bahasa Melayu adalah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tempatan akan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa ekonomi dan bahasa diplomatik pada peringkat antarabangsa. Tugas ini bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan, namun bukan juga sesuatu yang mustahil. Bahasa Melayu masih lagi relevan dan berpotensi untuk menjadi bahasa utama yang penting dalam semua aspek komunikasi. Potensi mengantarabangsakan bahasa Melayu masih terbuka luas dan munasabah.

Memetik perbincangan Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim dan Mohd Hafiz Sulaiman melalui kertas kerja mereka yang bertajuk "Keupayaan Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa" yang telah disiarkan dalam *International Journal of the Malay World and Civilisation* (2013), menjelaskan bahawa bahasa Melayu masih berpotensi menjadi bahasa antarabangsa dengan syarat bahasa Melayu perlu digunakan sepenuhnya dalam semua aspek seperti pendidikan, pemerintahan dan perdagangan. Bahasa Melayu seharusnya dibuktikan oleh pengguna bahasa sebagai medium yang berupaya mengungkapkan konsep dan ilmu tinggi dalam bidang sains dan teknologi.

Penulisan buku-buku ilmiah dalam pelbagai disiplin ilmu menggunakan bahasa Melayu juga perlu dipertingkatkan. Tambahan pula, jika penulisan tersebut melibatkan penemuan ilmu-ilmu baharu yang penting dan bermanfaat kepada seluruh masyarakat dunia seperti bidang ilmu berkaitan dengan herba, keris, tenunan dan

pelbagai kearifan tempatan yang bernilai tinggi.

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Peribahasa ini amat tepat untuk mengungkapkan usaha menggilap potensi mengantarabangsakan bahasa Melayu. Semua pihak perlu berganding bahu dan bekerjasama bagi merealisasikan hasrat dan cita-cita murni ini. Kepercayaan dan keyakinan yang telah ditahkan oleh Raja Muda Perlis DYT M Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail tentang keupayaan bahasa Melayu perlu diambil perhatian. Jika baginda begitu yakin dan bangga dengan keupayaan bahasa Melayu, mengapakah kita tidak mengambil peluang ini untuk membuktikannya? PB

